



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - MaGIC Lengkapkan Pemilihan 56 Syarikat Di Bawah GAP

Utusan Malaysia - MaGIC Lengkapkan Pemilihan 56 Syarikat Di Bawah GAP

🕒 Rabu, Jul 05 2017



MaGIC lengkapkan pemilihan 56 syarikat di bawah GAP

KUALA LUMPUR 4 Julai - Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) melancarkan *Global Accelerator Programme* (GAP) bagi melengkapkan sebanyak 56 *startup* terpilih dengan kemahiran, pengetahuan dan rangkaian untuk menembusi pasaran ASEAN dalam tempoh empat bulan.

Program itu menawarkan bimbingan kepada *startup* terpilih dari seluruh dunia dengan pakar perniagaan, akses rakan kongsi pemasaran produk seperti Axiata, Maxis dan Maybank, serta bantuan bernilai lebih daripada AS\$400,000 (RM1.7 juta) daripada pelbagai syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Ashran Ghazi berkata, sokongan terhadap kerjasama rentas sempadan dalam perniagaan dan inovasi adalah penting untuk membangunkan ekosistem keusahawanan serantau termasuk menjadikan Malaysia se-



Saya menggesa semua peserta supaya berani mencabar diri sendiri dan mengambil manfaat sepenuhnya daripada bimbingan yang diberikan oleh ramai mentor dan jurulatih, serta mengguna pakai sumber dan rangkaian yang disediakan."

ASHRAN GHAZI
Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC

bagai pintu masuk perniagaan ke pasaran ASEAN.

"Kami sangat gembira untuk mengalu-alukan kehadiran kumpulan sulung GAP. Kami sedar bahawa *startup* mendorong inovasi dan mempercepatkan pben-

tukan nilai, kami teruja dengan potensi yang ditunjukkan oleh kumpulan usahawan tempatan, serantau dan global tersebut.

"Bagi tempoh empat bulan akan datang ini, para peserta akan bertemu dan bekerja de-

ngan sebahagian daripada pakar di rantau ini, bekerjasama dengan rakan *startup* lain, memperhalusi idea dan memahami apa yang membolehkan sesebuah perniagaan itu bertahan lama.

"Saya menggesa semua peserta supaya berani mencabar diri sendiri dan mengambil manfaat sepenuhnya daripada bimbingan yang diberikan oleh ramai mentor dan jurulatih, serta mengguna pakai sumber dan rangkaian yang disediakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Program itu menerima hampir 950 permohonan dari 47 negara termasuk di Asia Tenggara, Amerika Utara, Eropah, Afrika dan Asia Barat dengan sebanyak 56 *startup* terbaik telah terpilih iaitu 70 peratus dari Malaysia dan 30 peratus lagi dari 10 negara lain.

Ashran berkata, syarikat-syarikat

tersebut disenarai pendek berdasarkan tiga kriteria utama iaitu prospek untuk berkembang dalam pasaran ASEAN, potensi produk untuk dihasilkan secara besar-besaran serta kesediaan menerima pelaburan peringkat awal.

Tambah beliau, peserta yang terpilih akan menumpukan kepada sembilan pengkhususan dalam industri perniagaan termasuk inovasi sosial, bandar pintar, penjagaan kesihatan, rantaian bekalan, kreatif dan gaya hidup, kewangan, pendidikan, e-dagang dan mudah alih.

"Kami berpendirian bahawa titik keseimbangan antara keuntungan kewangan dengan nilai kemanusiaan, sosial dan alam sekitar perlu dicapai bagi menghasilkan perubahan, justeru peserta digalakkan untuk memiliki misi sosial dalam menjana pertumbuhan mereka," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216